

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/4/2016

Muka surat: 13

Tajuk : UNIMAS adakan Kolokium Siasatan Penyakit Zoonotik, Jangkitan Baharu

UNIMAS adakan Kolokium Siasatan Penyakit Zoonotik, Jangkitan Baharu

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Malaysia One Health University Network (MyOHUN) mengadakan Kolokium Siasatan Penyakit Zoonotik dan Jangkitan Baharu bagi mengemas kini data pengurusan dan perkongsian maklumat untuk penyakit zoonotik dan jangkitan baharu.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, kolokium itu dapat meningkatkan keupayaan pelajar dan tenaga

pengajar di UNIMAS dalam bidang tersebut.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MyOHUN kerana melibatkan UNIMAS dalam aktiviti ini di bawah pelan strategik Kementerian.

“Sarawak merupakan negeri yang kaya dengan biodiversiti sekali gus membuka ruang untuk penyelidik menjalankan aktiviti penyelidikan berkaitan di sini,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi teks ucapannya yang dibaca oleh Naib Canselor UNIMAS (Penyelidikan dan

Inovasi) Profesor Dr Kopli Bujang pada majlis perasmian Kolokium Siasatan Penyakit Zoonotik dan Jangkitan Baharu di sebuah hotel terkemuka di sini, kelmarin.

Kolokium itu juga bertujuan menyediakan platform kepada agensi kerajaan dan ahli akademik jaringan kerjasama dan berkongsi hasil penyelidikan dalam bidang tersebut.

Antara topik yang dibincangkan transformasi jawatankuasa One Health Workforce (OHM) dalam merawat penyakit zoonotik dan jangkitan

tan baharu.

Selain itu, meningkatkan dan mengemas kini teknologi bagi penyakit zoonotik dan jangkitan baharu serta pengurusan penyakit tersebut.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyOHUN, orang ramai boleh melayari www.myohun.com.

Hadir sama pada majlis itu pengerusi penganjur Dr Khebir Verasahib, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Datu Dr Zulkifli Jantan, Pengerusi MyOHUN Profesor Dr Mohd Hair Bejo dan tetamu kehormat lain.



UNTUK ALBUM: Kopli (duduk, lapan kiri) bersama Khebir dan tetamu kehormat lain merakam kenangan bersama peserta kolokium.